

Risalah Puasa Enam Hari Di Bulan Syawal

Maksud Puasa Enam Hari

Ia bermaksud berpuasa selama 6 hari di dalam bulan Syawal.

Kedudukan

(a) Ia termasuk di dalam puasa *tathawwu'* (sunat) untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala.

(b) Ia seolah-olah seperti ucapan selamat jalan (*taudi'an*) kepada bulan Ramadhan yang baru sahaja pergi.

(c) Ia boleh menampal (*jabran*) kecacatan yang mungkin berlaku dalam puasa fardhu di bulan Ramadhan tersebut¹.

Fadhilat dan ganjaran

(a) Mendapat pahala seperti berpuasa sepanjang tahun

Daripada Abu Ayyub al-Anshari berkata: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ اتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ
شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ.

*"Sesiapa berpuasa Ramadhan kemudian mengikutinya dengan puasa 6 hari di bulan Syawal, maka baginya pahala seumpama mengerjakan puasa sepanjang tahun."*²

Daripada Thauban, daripada Rasulullah ﷺ, sesungguhnya Baginda ﷺ bersabda:

مَنْ صَامَ سِتَّةَ أَيَّامٍ بَعْدَ الْفِطْرِ كَانَ تَمَامَ
السَّنَةِ، مَنْ جَاءَ بِالْحُسْنَةِ فَلَهُ عَشْرُ
أَمْثَلِهَا.

"Sesiapa berpuasa enam hari selepas Eidul Fitri (Hari Raya Puasa), adalah seolah-olah mencukupkan puasa sepenuh tahun. Sesiapa yang

¹ Rujuk *An-Nasha'ih ad-Diniyyah*, Imam Al-Haddad, ms. 179.

² Riwayat Muslim dalam kitab *Ash-Shiyam*, Abu Daud dalam kitab *Ash-Shiyam*, At-Tirmizi dalam kitab *Ash-Shawm* dan Ibn Majah dalam kitab *Ash-Shiyam*.

melakukan satu kebajikan, maka baginya (digandakan) sepuluh kebajikan seperti itu.”³

Kenapa pahalanya seperti berpuasa sepanjang tahun?

Setiap satu kebajikan yang dilakukan akan digandakan seperti mendapat 10 kebajikan atau pahala. Oleh itu, puasa sebulan (iaitu 30 hari) di bulan Ramadhan seolah-olah berpuasa 300 hari (kerana 30 hari x 10 = 300 hari) dan puasa 6 hari Syawal seolah-olah berpuasa 60 hari (kerana 6 hari x 10 = 60 hari) yang menjadikan jumlahnya 360 hari. 360 hari adalah bilangan hari dalam setahun.

(b) Semua dosa diampunkan

Daripada Ibn Umar berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَاتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ
خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

“Sesiapa berpuasa Ramadhan dan mengikutinya dengan puasa 6 hari

³ Riwayat Ibn Majah. Hadith ini juga disebutkan dalam *Syarh Muslim*, Imam Nawawi, *Fadha'il al-A'mal*, Al-Hafizh Dhiya'uddin al-Maqdisi dan *Bahr al-Mazi*, Syaikh Muhammad Idris al-Marbawi, 5/127.

di bulan Syawal, keluarlah dosa-dosanya (sehingga dia menjadi bersih dari dosa) seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya.”⁴

Waktu dan perlaksanaannya

Paling afdhal bermula dari 2 Syawal dan berturut-turut selama 6 hari.

Tidak mengapa jika:

- i) Bermula dari 2 Syawal tetapi tidak berturut-turut (selang seli), atau
- ii) Selepas 2 Syawal ke atas, sama ada berturut-turut atau berselang seli⁵.

Menggabungkan puasa enam dengan puasa Qadha' Ramadhan

Para ulama' membolehkannya dengan beberapa catatan:

- i. Hendaklah dia berniat berpuasa qadha' Ramadhan dan sunat Syawal sekaligus, barulah dia mendapat pahala

⁴ Riwayat Ath-Thobrani di dalam *Al-Ausath*.

⁵ Rujuk pendapat Imam Nawawi dalam perkara ini dalam kitabnya *Syarh Muslim* dan *Syarh al-Muhazzab*. Lihat juga *Al-Iqna'*, 1/245, *Bahr al-Mazi*, 5/127, *Mathla' al-Badrain*, ms. 65, *Kifayah al-Muhtadi*, ms. 162, *Idaman Penuntut*, ms. 148 dan *Ash-Shirath al-Mustaqim*, Syaikh Nuruddin Jilani ar-Raniri (kitab ini berada di tepi kitab *Sabil al-Muhtadin*), ms 138.

kedua-duanya (iaitu pahala puasa qadha' Ramadhan dan sunat Syawal).

- ii. Jika dia hanya berniat berpuasa qadha' Ramadhan sahaja atau puasa sunat Syawal sahaja, dia akan mendapat pahala apa yang diniatkan (sama ada pahala puasa qadha' Ramadhan atau sunat Syawal)⁶.

Catatan:

Keadaan di atas sama sahaja bagi orang yang berniat puasa wajib yang lain (seperti puasa nazar atau puasa kafarah) pada hari-hari yang disunatkan berpuasa seperti hari 'Arafah, hari 'Asyura atau hari Isnin dan Khamis.

Mengqadha'kan puasa sunat Syawal di bulan Zulqaedah

Orang yang sudah berniat untuk berpuasa sunat Syawal selepas puasa qadha' Ramadhan, hendaklah

⁶ Lihat *Nihayah al-Muhtaj*, Imam Syamsuddin ar-Ramli, 3/208–209, *Mughni al-Muhtaj*, Imam Al-Khatib asy-Syarbini, 2/184, *Sabil al-Muhtadin*, Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari, 2/160–161, *Bughyah Ath-Thullab*, Syaikh Daud al-Faththoni dan 2/128, *Al-Bahr al-Wafi*, Syaikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, ms. 376.

dia berpuasa sunat Syawal tersebut dalam bulan Syawal itu juga. Jika bulan Syawal sudah selesai, maka sunat dia mengqadha'kan puasa sunat Syawal itu di bulan Zulqaedah⁷.

Lafaz niat

(a) Puasa Enam sahaja

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ مِنْ شَوَّالٍ سُنَّةً لِلَّهِ
تَعَالَى.

Nawaitu shauma ghadin min Syawwaali sunnatan lillaahi ta'aala.

“Sahaja aku berpuasa esok hari daripada bulan Syawal sunat kerana Allah Ta'ala.”

(b) Puasa Qadha' Ramadhan sahaja

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ قِضَاءِ رَمَضَانَ
لِلَّهِ تَعَالَى.

Nawaitu shauma ghadin an qadhaa'i Ramadhaana lillaahi ta'aala.

⁷ Lihat pendapat Imam Syamsuddin ar-Ramli tentang perkara ini di dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* seperti yang dinukilkan oleh Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari di dalam kitabnya *Sabil al-Muhtadin*, 2/160–161.

“Sahaja aku berpuasa esok hari qadha’ Ramadhan kerana Allah Ta’ala.”

(c) Puasa Qadha’ Ramadhan sekali dengan Puasa Enam

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ قَضَاءِ رَمَضَانَ
مَعَ سِتَّةِ شَوَّالٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Nawaitu shauma ghadin an qadhaa’i
Ramadhaana ma’a sittati Syawwaali
lillaahi ta’aala.

“Sahaja aku berpuasa esok hari qadha’ Ramadhan serta puasa enam Syawal kerana Allah Ta’ala.”

(d) Puasa Kaffarah (Ramadhan) sekali dengan Puasa Enam

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ كَفَّارَةٍ مَعَ سِتَّةِ
شَوَّالٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Nawaitu shauma ghadin an
kaffaaratin ma’a sittati Syawwaali
lillaahi ta’aala.

“Sahaja aku berpuasa esok hari puasa kaffarah (Ramadhan) serta puasa enam Syawal kerana Allah Ta’ala.”

(e) Puasa Nazar sekali dengan Puasa Enam

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ نَذْرِ مَعَ سِتَّةِ
شَوَّالٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Nawaitu shauma ghadin an nazarin
ma’a sittati Syawwaali lillaahi
ta’aala.

“Sahaja aku berpuasa esok hari puasa nazar serta puasa enam Syawal kerana Allah Ta’ala.”

* Perbahasan lebih lanjut tentang hukum menggabung puasa qadha’ Ramadhan dengan puasa enam boleh dirujuk di dalam buku Al-Faqir berjudul *“Khilafiah: Persoalan dan Penjelasan Ulama”*

" تقبل الله منا ومنكم "

Al-Faqir ilallah,
Muhadir bin Haji Joll
Kuching, Sarawak
Syawal 1435H/ Ogos 2014M